

Ajaran Sesat Si Hulk: Ancaman kepada Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

Heresy Si Hulk: Threat to Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah in Malaysia

Iffa Nabilla Mohamad Kharithah¹, Nur Zainatul Nadra Zainol^{2*}

¹ Pengajian Da'wah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

² Jabatan Penyelidikan dan Penerbitan, Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 83600 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author: nadra@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2024.05.02.003>

Maklumat Artikel

Diserah: 15 Julai 2024

Diterima: 8 Disember 2024

Diterbitkan: 15 Disember 2024

Kata Kunci

Ajaran sesat, penyelewengan agama, akidah ahli sunnah wal jamaah

Abstrak

Ajaran sesat merupakan satu fenomena yang semakin membimbangkan di kalangan masyarakat di Malaysia masa kini. Fenomena ini bukan sahaja menggugat akidah, malah ia boleh memecahbelahkan masyarakat dengan amalan yang menyeleweng. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji punca-punca kemunculan ajaran sesat Si Hulk, ciri-ciri yang membezakan ajaran sesat Si Hulk, serta kaedah penyebaran ajaran Si Hulk kepada masyarakat. Artikel ini menggunakan analisis kajian kes dan kandungan sebagai kaedah pengumpulan data. Analisis dapatan menggunakan analisis tematik dan diskriptif. Hasil kajian menunjukkan ajaran Si Hulk menggunakan produk sebagai agen penyebaran ajaran dan penggunaan media sosial bagi menyebarkan aktiviti kumpulan ini. Implikasi kajian menunjukkan, ajaran Si Hulk wajib dibendung supaya masyarakat tidak terpedaya dengan penyelewengan yang disebar.

Keywords

Heresy, religious, phenomenon

Abstract

Heresy is a phenomenon that is becoming more and more worrying among society in Malaysia today. This phenomenon not only undermines belief, but it can also divide society with deviant practices. This article aims to examine the causes of the appearance of the heresy of The Hulk, the characteristics that distinguish the heresy of The Hulk, as well as the method of spreading the teachings of The Hulk to society. This article uses case study and content analysis as data collection methods. Analysis of findings using thematic and descriptive analysis. The results of the study show that Si Hulk's teachings use products as an agent of spreading teachings and the use of social media to spread the activities of this group. The implications of the study show that the teachings of The Hulk must be curbed so that the public is not deceived by the distortions that are spread.

1. Pengenalan

Ajaran sesat telah bermula sejak awal Islam di mana wujud kelompok-kelompok yang dipimpin oleh individu-individu yang mengaku sebagai nabi. Menurut Abu Al-Sa'ud (Engku Ahmad Zaki 2007: 29-35), terdapat 11 orang individu yang memimpin ajaran sesat sejak zaman Rasulullah SAW dan zaman Khulafa' Ar-Rasyidin atau zaman awal Islam. Daripada 11 kelompok, 3 daripadanya muncul pada zaman Rasulullah SAW iaitu kelompok yang dipimpin oleh Al-Aswad Al-Unsi (w. 11 H) daripada Bani Madlaj, Musailamah Al-Kazzab (w. 11 H) daripada Bani Hanifah dan Tulaihah Bin Khuwailid (w. 21 H) daripada Bani Asad.

Ajaran sesat merujuk kepada ajaran yang bertentangan dengan prinsip-prinsip asas serta ajaran rasmi sesuatu agama. Ajaran Si Hulk juga merupakan ajaran yang dibawa oleh individu atau kumpulan yang mengaku, menerima wahyu atau pengetahuan khas yang kononnya belum diketahui oleh orang lain. Justeru itu, dalam konteks Islam di Malaysia ajaran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan ajaran sesat dan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan aliran yang diiktiraf di negara ini. Hal ini dapat dilihat daripada golongan umat terdahulu yang menjadikan pendeta-pendeta mereka sebagai tuhan yang disembah selain daripada Allah SWT. Firman Allah SWT:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا ۚ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۚ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya: Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama mereka sebagai sembah-sembahan selain dari Allah SWT dan juga (mereka mempercayai) al-Masih Ibn Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan

(Surah al-Taubah: 31)

Perbincangan pengertian ajaran sesat secara literal boleh merujuk kepada ajaran adalah segala sesuatu yang diajarkan nasihat, petunjuk. Selain itu mempercayai keramat adalah bertentangan dengan agama. Seterusnya, perkataan sesat ialah tidak mengikut jalan yang betul, tersalah ataupun tersilap jalan. Erti kata lain menyimpang dari jalan yang benar (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007)

Pihak berkuasa agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Majlis Fatwa Kebangsaan adalah rujukan utama dalam menentukan sesuatu ajaran itu sesat atau tidak ataupun tidak dan fatwa serta keputusan rasmi perlu dari dua badan pihak berkuasa tersebut. Secara tidak langsung ajaran sesat akan menimbulkan ancaman besar kepada akidah pengikutnya. Kestabilan dan keharmonian social agama dalam kalangan masyarakat akan terjejas.

Di samping itu, masyarakat perlu memahami ancaman ajaran sesat kepada akidah dan keharmonian beragama merupakan suatu perkara yang penting dan perlu diketahui umum. Antara sebab utama, masyarakat perlu memahaminya bagi memelihara akidah dan keimanan ianya kerana memahami ancaman ajaran sesat dapat membantu individu bagi megekalkan kepercayaan yang sahih. Hal ini kerana ianya penting bagi memastikan bahawa amalan dan kepercayaan agama perlu dilakukan berdasarkan prinsip serta ajaran yang betul. Hal ini terjadi kerana perkembangan dunia globalisasi hari ini mengikut arus kemajuan sains dan teknologi tidak dapat dinafikan lagi. Selari dengan itu pemikiran moden berkembang disebabkan dari ledakan maklumat yang begitu pantas melalui capaian internet, aplikasi media social facebook, Instagram, whatsapp, telegram dan sebagainya.

2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur akan mengupas ajaran sesat dalam konteks Malaysia yang meneliti keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Jakim yang berperanan sebagai institusi agama yang berpengaruh di Malaysia. Selain daripada itu, Jabatan Mufti Negeri seperti negeri **Pejabat Mufti Negeri Sabah, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, telah mengeluarkan risalah ajaran sesat.**

2.1 Ajaran Sesat Dalam Konteks Malaysia

Dalam konteks pandangan hukum dan fatwa di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berperanan sebagai institusi agama di peringkat pusat. Melalui Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, JAKIM telah mengeluarkan Garis Panduan Khurafat dan Azimat Menurut Perspektif Islam. Garis panduan ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang ke-40 pada 9 Ogos 1996. Kemudian, garis panduan tersebut diterima pakai di peringkat negeri dan dijadikan rujukan dalam pengeluaran fatwa mengenai pengharaman sesuatu ajaran yang mengandungi unsur khurafat. Menurut *al-Mu'jam al-Wasit* (1972), khurafat didefinisikan sebagai cerita-cerita yang menarik namun dicampur dengan kepalsuan. Menurut *al-Munjid*

al-Wasit Fi al-Arabiah al-Muasirah (2012), khurafat adalah cerita yang sepenuhnya dusta. Menurut Kamus Idris al-Marbawi (1998), khurafat bermaksud cerita yang tidak masuk akal atau karut.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan khurafat sebagai kepercayaan yang tidak masuk akal, dongeng, dan tahyul. Menurut Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam (1991), khurafat merujuk kepada perbuatan yang didorong oleh kepercayaan yang bertentangan dengan syariat dan logik. Dalam Kamus Pengetahuan Islam (1976), khurafat bermaksud perkara-perkara karut yang bertentangan atau tidak terdapat dalam ajaran Islam, seperti mandi safar, puja pantai, dan seumpamanya.

Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri turut mengeluarkan garis panduan mengenai khurafat dan azimat antaranya ialah Pejabat Mufti Negeri Sabah, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Malah institusi agama peringkat negeri ini juga telah mengeluarkan banyak risalah dan buku berkaitan amalan khurafat ini, tetapi yang menimbulkan persoalan, khurafat masih berkembang walaupun banyak program dakwah telah dilakukan dan diwujudkan peruntukan undang-undang berkaitan isu ini dalam undang-undang Islam negeri.

2.2 Ciri-Ciri Ajaran Sesat Yang Menyalahi Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah

Setiap ajaran sesat merujuk kepada suatu amalan yang menyimpang daripada prinsip-prinsip dan ajaran asas agama Islam. Ciri-ciri ajaran sesat ialah menafikan tauhid, dengan mengajar konsep ketuhanan yang bertentangan dengan ajaran Tauhid dalam Islam dan juga mengakui wujudnya kuasa ketuhanan selain Allah. Selain itu, mereka juga mengajarkan konsep-konsep akidah yang menyesatkan dan tidak berlandaskan kepada ajaran Islam yang sebenar.

Ciri-ciri ajaran sesat yang menyalahi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) telah dikenal pasti oleh para ulama dan badan-badan agama di Malaysia. Berikut adalah beberapa ciri-ciri utama ajaran sesat:

2.2.1 Ciri-Ciri Ajaran Sesat

1. Mengakui adanya nabi atau rasul selepas Nabi Muhammad SAW:

Ajaran yang mengakui seseorang sebagai nabi atau rasul selepas Nabi Muhammad SAW dianggap sesat kerana bertentangan dengan akidah Islam yang meyakini Nabi Muhammad SAW sebagai nabi dan rasul terakhir. Dalam ajaran Islam, Nabi Muhammad SAW dianggap sebagai Nabi dan Rasul terakhir yang diutus oleh Allah SWT. Konsep ini adalah salah satu asas penting dalam akidah Islam yang dipersetujui oleh majoriti umat Islam, khususnya Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pengakuan bahawa adanya nabi atau rasul selepas Nabi Muhammad SAW adalah satu bentuk penyelewengan yang membawa kepada ajaran sesat.

Hal ini demikian, pengakuan adanya nabi atau rasul selepas Nabi Muhammad SAW membawa kepada beberapa implikasi yang serius dalam kehidupan beragama. Ini kerana, mengakui adanya nabi selepas Nabi Muhammad SAW seolah-olah menandakan bahawa ajaran Islam yang dibawa oleh baginda tidak sempurna dan memerlukan penambahan atau perubahan.

2. Mengubah atau menafsirkan semula rukun iman dan rukun Islam:

Rukun Iman dan Rukun Islam adalah dua asas penting yang menjadi tiang penegak akidah dan amalan dalam Islam. Rukun Iman terdiri daripada enam perkara yang harus diyakini oleh setiap Muslim, manakala Rukun Islam terdiri daripada lima perkara yang menjadi amalan wajib bagi setiap Muslim. Mengubah atau menafsirkan semula rukun-rukun ini bukan sahaja merupakan penyelewengan dalam ajaran Islam tetapi juga satu ancaman kepada keutuhan dan kesucian agama Islam itu sendiri.

Mengubah atau menafsirkan semula Rukun Iman dan Rukun Islam merupakan satu ancaman besar kepada kesucian dan keutuhan agama Islam. Umat Islam perlu sentiasa berpegang teguh kepada ajaran yang sahih dan menjauhkan diri dari sebarang bentuk penyelewengan yang boleh merosakkan akidah dan amalan mereka. Ulama dan institusi agama perlu terus berusaha dalam memberikan pendidikan yang betul dan mencegah penyebaran ajaran sesat ini untuk memastikan Islam terus dipelihara dalam bentuknya yang asli dan benar.

3. Mengaku menerima wahyu atau ilham yang setaraf dengan Al-Quran dan Hadis:

Dalam Islam, Al-Quran dan Hadis adalah dua sumber utama hukum dan panduan hidup. Al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui wahyu, sementara Hadis adalah himpunan sabda, perbuatan, dan pengakuan Nabi Muhammad SAW yang menjadi panduan umat Islam. Mengaku menerima wahyu atau ilham yang setaraf dengan Al-Quran dan Hadis adalah satu bentuk penyelewengan yang sangat serius dan bertentangan dengan prinsip asas akidah Islam.

Mengaku menerima wahyu atau ilham yang setaraf dengan Al-Quran dan Hadis adalah satu bentuk penyelewengan yang serius dan bertentangan dengan prinsip asas akidah Islam. Umat Islam perlu sentiasa berpegang teguh kepada ajaran yang sahih dan menjauhkan diri dari sebarang bentuk penyelewengan yang boleh merosakkan akidah dan perpaduan umat. Ulama dan institusi agama perlu terus berusaha memberikan pendidikan yang betul dan mencegah penyebaran ajaran sesat ini untuk memastikan Islam terus dipelihara dalam bentuknya yang asli dan benar.

4. Menolak atau mempertikaikan hadis sahih:

Hadis merupakan sumber kedua utama dalam syariat Islam selepas Al-Quran. Ia merangkumi sabda, perbuatan, dan pengakuan Nabi Muhammad SAW yang menjadi panduan hidup umat Islam. Menolak atau mempertikaikan hadis sahih adalah satu bentuk penyelewengan yang serius kerana hadis merupakan asas penting dalam memahami, mengamalkan, dan menafsirkan ajaran Islam. Penolakan ini boleh meruntuhkan keutuhan syariat Islam dan membawa kepada penyimpangan dalam amalan beragama.

Menolak atau mempertikaikan hadis sahih merupakan satu ancaman besar kepada keutuhan syariat Islam. Hadis adalah sumber penting dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam. Umat Islam perlu sentiasa berpegang teguh kepada Al-Quran dan hadis sahih serta menjauhkan diri dari sebarang bentuk penyelewengan yang boleh merosakkan akidah dan amalan mereka. Ulama dan institusi agama perlu terus berusaha dalam memberikan pendidikan yang betul dan mencegah penyebaran ajaran sesat ini untuk memastikan Islam terus dipelihara dalam bentuknya yang asli dan benar.

5. Memiliki amalan atau ritual yang bercanggah dengan ajaran Islam:

Islam adalah agama yang mempunyai sistem ibadah yang telah ditetapkan dengan jelas melalui Al-Quran dan Sunnah. Setiap amalan dan ritual yang dijalankan oleh umat Islam perlu berlandaskan kepada kedua-dua sumber ini. Memiliki amalan atau ritual yang bercanggah dengan ajaran Islam adalah satu bentuk penyelewengan yang boleh merosakkan akidah dan membawa kepada penyimpangan dalam beragama.

Memiliki amalan atau ritual yang bercanggah dengan ajaran Islam adalah satu bentuk penyelewengan yang serius dan boleh membawa kepada kerosakan dalam akidah dan ibadah. Umat Islam perlu sentiasa berpegang teguh kepada ajaran yang sahih dan menjauhkan diri dari sebarang bentuk penyelewengan yang boleh merosakkan akidah dan amalan mereka. Ulama dan institusi agama perlu terus berusaha dalam memberikan pendidikan yang betul dan mencegah penyebaran ajaran sesat ini untuk memastikan Islam terus dipelihara dalam bentuknya yang asli dan benar.

6. Menolak ijma' ulama:

Ijma' ulama, atau kesepakatan para ulama, adalah salah satu sumber penting dalam hukum Islam setelah Al-Quran dan Hadis. Ijma' adalah konsensus para ulama mujtahid tentang suatu hukum syariat pada suatu masa setelah wafatnya Nabi Muhammad SAW. Menolak ijma' ulama adalah bentuk penyelewengan yang boleh merosakkan keutuhan syariat dan menyebabkan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Menolak ijma' ulama adalah satu bentuk penyelewengan yang serius dan boleh membawa kepada kerosakan dalam syariat Islam serta perpecahan dalam kalangan umat. Ijma' adalah salah satu sumber hukum yang penting dalam Islam dan memainkan peranan yang besar dalam menjaga kesatuan dan kefahaman syariat. Umat Islam perlu sentiasa berpegang teguh kepada Al-Quran, Hadis, dan ijma' ulama serta menjauhkan diri dari sebarang bentuk penyelewengan yang boleh merosakkan akidah dan amalan mereka. Ulama dan institusi agama perlu terus berusaha dalam memberikan pendidikan yang betul dan mencegah penyebaran ajaran sesat ini untuk memastikan Islam terus dipelihara dalam bentuknya yang asli dan benar.

Jadual 1 Ciri-ciri ajaran sesat yang menyalahi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah

1	Mendakwa sebagai Tuhan;
2	Mendakwa Allah SWT bersifat selain daripada apa-apa sifat yang selayaknya bagi Allah SWT;
3	Mendakwa selain Allah SWT (makhluk) juga mampu mendatangkan sesuatu (manfaat dan mudharat)
4	Mendakwa setiap musibah datang makhluk halus (jin dan syaitan)
5	Mendakwa Allah SWT sebat di dalam diri (<i>Wahdatul Wujud</i> atau <i>God Spot</i>);
6	Mendakwa terima wahyu;
7	Mendakwa ghaib (tidak mati) dan akan muncul semula sebagai Imam Mahdi;
8	Mendakwa tahu perkara-perkara ghaib;
9	Mendakwa tahu bila kemunculan Imam Mahdi;
10	Mendakwa tahu nasib seseorang;
11	Mendakwa tahu huruf-huruf dalam kalimah tertentu mempunyai maksud yang tertentu
12	Mendakwa mampu berinteraksi dengan orang mati, jin, syaitan atau malaikat secara langsung
13	Mendakwa mampu memindah atau menangguk bala
14	Mendakwa mampu berhubung terus dengan Allah SWT
15	Mendakwa mampu menangguk Kiamat
16	Mendakwa mampu melihat Allah SWT di dunia
17	Mendakwa mampu melihat Rasulullah S.A.W secara sedar (<i>yaqazah</i>)
18	Mendakwa mampu memindahkan kekuatan luar biasa kepada seseorang;
19	Mendakwa layak mengesahkan keislaman, menentukan jaminan keampunan Allah SWT dan kesudahan neraka atau syurga bagi seseorang
20	Mendakwa akan ditimpa bala sekiranya mendedahkan isi-isi ajaran kepada umum
21	Mendakwa roh orang mati mampu menjelma ke dalam jasad orang hidup
22	Mendakwa roh orang mati mampu memberi pertolongan apabila diseru (kebiasaannya berlaku di kuburan yang dipercayai mempunyai keramat
23	Mendakwa ada nabi selepas nabi Muhammad S.A.W
24	Mendakwa memikul tugas nabi atau rasul secara khusus
25	Mendakwa sebagai nabi atau rasul
26	Mendakwa sebagai wakil nabi atau rasul untuk memberi syafaat;
27	Mendakwa sebagai Imam Mahdi;
28	Mendakwa sebagai wali Allah;
29	Mendakwa sebagai jelmaan sahabat-sahabat nabi S.A.W atau syeikh-syeikh tertentu
30	Mendakwa sebagai insan ma'sum
31	Mendakwa dapat nur daripada Allah SWT dan para rasulnya
32	Mendakwa dapat jaminan keampunan Allah SWT atau jaminan syurga
33	Mendakwa memiliki kunci syurga
34	Mendakwa memiliki mukjizat
35	Mendakwa memiliki ma'unah;

2.3 Keputusan Fatwa Berkaitan Ajaran Sesat di Malaysia

Di Malaysia, keputusan fatwa berkaitan ajaran sesat diambil oleh pihak berkuasa agama negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Berikut adalah beberapa contoh keputusan fatwa yang berkaitan dengan ajaran sesat:

1. Ajaran Ayah Pin:

Pada tahun 2001, merujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan mengisytiharkan ajaran Ayah Pin sebagai sesat. Ayah Pin mengasaskan ajaran yang dikenali sebagai Kerajaan Langit, yang bertentangan dengan prinsip asas Islam. Ajaran ayah pin mempunyai beberapa ciri yang jelas menyalahi pegangan Ahli Sunnah

wal Jamaah dengan mengakui diriya sebagai utusan Tuhan. Selain itu, ajaran ayah pin juga menggabungkan unsur-unsur dari pelbagai agama, termasuk islam, kristian, hindu dan buddha. Jelaslah bahawa ianya bertentangan dengan prinsip tauhid dalam islam yang hanya menekankan bahawa Allah sahaja yang layak disembah dan diikuti.

2. Ajaran Syiah:

Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan beberapa fatwa mengisytiharkan ajaran Syiah sebagai bertentangan dengan ajaran Islam yang dianut di Malaysia. Syiah dianggap sesat kerana perbezaan dalam doktrin dan amalan berbanding dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sebagaimana yang kita ketahui, ajaran syiah ini merujuk kepada salah satu aliran besar dalam Islam yang mempunyai kepercayaan dan amalan agama yang unik. Syiah ini meyakini bahawa imam-imam tertentu yang telah dipilih oleh Allah. Mereka juga meyakini bahawa imam-imam ini dilantik secara ilahi untuk memimpin umat Islam.

3. Ajaran Qadiani (Ahmadiyah):

Ajaran Qadiani, atau Ahmadiyah, juga telah diisytiharkan sebagai sesat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Ini kerana ajaran ini mengiktiraf Mirza Ghulam Ahmad sebagai seorang nabi, yang bertentangan dengan prinsip akhir kenabian dalam Islam. Selain itu, qadiani menafsirkan jihad dalam konteks spiritual serta menolak penggunaan kekerasan dalam menyebarkan atau membela agama. Ajaran ini juga mengutamakan jihad dalam bentuk jihad spiritual melawan hawa nafsu dan ketidakadilan.

4. Ajaran Taslim:

Pada tahun 1991, Majlis Fatwa Kebangsaan mengisytiharkan ajaran Taslim sebagai sesat. Ajaran ini diasaskan oleh Haji Mohd Salleh bin Haji Dollah yang mendakwa menerima wahyu terus daripada Allah. Ajaran taslim dalam konteks yang lebih umum dalam islam merujuk kepada konsep penyerahan atau penghambaan diri kepada Allah SWT.

5. Ajaran Rasul Melayu:

Ajaran ini juga diisytiharkan sebagai sesat. Individu yang mengaku sebagai Rasul Melayu telah menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan prinsip asas Islam. "Rasul Melayu" tidak secara khusus merujuk kepada seorang rasul atau nabi dalam konteks Islam. Secara umum, "Rasul Melayu" mungkin merujuk kepada konsep atau keyakinan tertentu yang berkaitan dengan masyarakat Melayu di Asia Tenggara, tetapi tidak ada nabi atau rasul yang diakui dalam tradisi Islam di luar dari Nabi Muhammad SAW.

Setiap negeri di Malaysia mempunyai Majlis Agama Islam Negeri yang bertanggungjawab mengeluarkan fatwa berkaitan ajaran sesat. Mereka akan menilai sesuatu ajaran berdasarkan prinsip-prinsip Islam yang diiktiraf di Malaysia, dan jika didapati bertentangan, ajaran tersebut akan diisytiharkan sebagai sesat dan penyebarannya akan dilarang. Keputusan fatwa ini adalah penting untuk menjaga kesucian ajaran Islam dan memastikan umat Islam di Malaysia tidak terpengaruh dengan ajaran yang menyeleweng.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan secara kualitatif yang menggunakan kaedah analisis artikel dan analisis media. Kajian ini mengkaji literatur yang terdahulu berkaitan dengan ajaran sesat, termasuk jurnal akademik, buku, laporan dan artikel. Ini termasuk kajian tentang definisi, sejarah, punca, kesan, dan langkah-langkah pencegahan ajaran sesat.

Selain itu, kajian kes merupakan kajian yang menganalisis kes ajaran sesat di Malaysia iaitu Ajaran Suhaini atau dikenali sebagai Ajaran Si Hulk merupakan ajaran yang telah difatwakan sebagai sesat dan menyeleweng. Kajian kes yang dijalankan ini membantu dalam memahami bagaimana perkembangan ajaran sesat, kesannya serta bagaimana ianya perlu ditangani oleh pihak berkuasa dan memberi kesedaran kepada masyarakat Islam.

3.1 Tatacara Penganalisaan Data

Proses penganalisaan data bermula dengan pengumpulan data. Menurut S.B. Merriam (2009), kedua-dua proses ini boleh berlangsung serentak. Mereka dijalankan secara berterusan untuk memastikan proses pengumpulan data berjalan lancar, dan penganalisaan data dapat diurus dengan sistematik. Pendekatan ini disokong oleh pandangan R.C Bodgan & S.K Biklen (2003), Miles & Huberman (1994), dan Zanaton Iksan (2011).

3.2 Analisis Teks

Kaedah ini digunakan untuk menganalisis data berbentuk teks yang diperoleh daripada pandangan hukum dan keputusan Jawatankuasa Muzakarah MKI serta fatwa-fatwa negeri. Kajian menunjukkan bahawa unsur-unsur khurafat penyelewengan dengan mendakwa Nabi Muhammad sebagai Tuhan dan baginda merupakan seorang yang tidak mempunyai jantina iaitu bukan lelaki dan juga bukan wanita. Jelaslah bahawa ianya sangat menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar.

3.3 Metod Tematik

Dalam kajian ajaran sesat Si Hulk yang memberikan ancaman kepada akidah dan keharmonian beragama, pengkaji menggunakan kaedah tematik bagi meneliti tema-tema yang timbul daripada data-data yang dikumpulkan. Beberapa tema utama telah dikenal pasti, menggambarkan hasil keseluruhan kajian. Tema utama yang diketengahkan ialah khurafat sebagai amalan yang bertentangan dengan ajaran dan kumpulan tertentu. Fatwa dan pewartaan diperlukan untuk tujuan penguatkuasaan dan pendakwaan, sebagai langkah membanteras penyebaran ajaran sesat dalam masyarakat, demi menjaga keutuhan akidah dan keharmonian beragama.

4. Dapatan Kajian

Hasil pencarian yang dilakukan bermula pada 20 Mac 2024, kajian mendapati bahawa Suhaimi Muhammad menyatakan sudah mengambil Allah adalah Nabi Muhammad sejak kecil sehingga kini sudah berusia 40 tahun dan menganggap Allah ialah sesuatu yang ghaib dan tidak boleh dibayangkan. Beliau juga menyatakan bahawa Si Hulk air hayat iaitu air yang dicari Iskandar Zulkarnain tetapi diperoleh Nabi Khidir menjadikan baginda mampu hidup sehingga hari kiamat. Malah, air itu juga didakwa mampu menyembuhkan pelbagai wabak penyakit zahir dan batin serta menghalang sihir.

Pengasas itu juga menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah tuhan selain menyatakan baginda tidak mempunyai jantina iaitu bukan lelaki juga bukan wanita. Dia juga telah menyeleweng tafsiran al-Quran menerusi huraian surah Taha ayat 120 dan al-Baqarah ayat 35 berkenaan larangan Allah swt kepada Nabi Adam dan Hawa daripada memakan buah khuldi dengan dakwaan bahawa buah itu yang menjadi larangan untuk dimakan di dalam syurga itu adalah buah zakar dan buah dada.

4.1 Latar Belakang Pengasas Ajaran Sesat Si Hulk

Haji Suhaini Muhammad dilahirkan di Kelantan, bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Beliau hanyalah seorang anak kampung biasa dengan latar belakang keluarga Melayu yang sederhana. Ayah Haji Suhaini adalah seorang lelaki Cina Muslim dan berkahwin dengan ibunya, seorang wanita Melayu semasa perkhidmatan tentera distileri beliau. Beliau meninggal dengan tenang pada tahun 1987 meninggalkan isteri dan 4 orang anak kecil. Sebagai yang sulung, walaupun dia masih seorang kanak-kanak, Haji Suhaini terpaksa menjadi lelaki dewasa di rumah dengan bekerja kerja separuh masa semasa hujung minggu.

Beliau terpaksa berjalan 3 km ke sekolah rendah setiap hari kerana kesukaran keluarganya. Kecerdasannya dalam pelajaran membolehkannya menjadi anak lelaki pertama dari kampungnya yang diterima untuk melanjutkan pelajaran di sekolah asrama bergengsi.

Walaupun kesukaran keluarganya, Haji Suhaini berjaya melanjutkan pelajarannya di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan menamatkan pengajian Sarjana Muda Sains (BSc) selama 5 tahun dengan jurusan Fizik. Semasa di universiti, beliau terpaksa mengorbankan masa belajarnya di perpustakaan untuk mencari rezeki dengan menjual burger di kampus dan sering kali terpaksa menjual dari pintu ke pintu sehingga lewat malam. Inilah satu-satunya cara baginya untuk mencari rezeki, membayar pelajarannya dan pada masa yang sama menyokong 2 adiknya yang lebih muda dalam menghadiri sekolah menengah.

Haji Suhaini menyertai Unit Latihan Pegawai Simpanan (ROTU) semasa pengajiannya di universiti sebagai aktiviti kokurikulum selama 3 tahun dan kelayakannya sebagai Pegawai Tentera. Elaun yang diterimanya cukup lumayan dan sangat membantu. Haji Suhaini juga sangat aktif dalam politik semasa hidup kampusnya dan memenangi pemilihan (Presiden Pelajar) pada tahun 1994. Beliau juga berjaya menamatkan BSc dalam Fizik.

Disebabkan sikap baik, kecerdasan dan kecemerlangan akademiknya, Haji Suhaini ditawarkan pekerjaan pertamanya sebagai Penelia Pengeluaran untuk Nemic Lambda Senai Johor, pengeluar Jepun terkenal di dunia dalam bekalan kuasa suis.

Haji Suhaini bekerja untuk syarikat tersebut selama 5 tahun dan mendapat lebih banyak pengalaman dan kemahiran dalam sumber manusia dan pengeluaran. Syarikat itu kini dinamakan TDK-Lambda dan diambil alih oleh pemegang saham baru. Haji Suhaini berkahwin dengan cinta sejatinya, seorang isteri Melayu yang cantik, Masniza A. Rahman dari Johor Malaysia pada tahun 1996 dan dianugerahkan dengan 2 orang anak yang cantik, seorang anak perempuan Syafika Madiha dan seorang anak lelaki Haziqul Danish.

Haji Suhaini menaiki tangga kerjayanya dengan menyertai Pelabuhan Tanjung Pelepas Johor dan bekerja selama 10 tahun dalam bidang teknologi maklumat, sumber manusia dan perniagaan. Semasa bekerja untuk

syarikat itu, beliau berjaya mendapatkan Sarjana Perniagaan dari Universiti Teknologi MARA. Beliau telah mengembara ke seluruh dunia dan dilantik sebagai jurulatih yang berkecayaan oleh Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) untuk Program Pembangunan Pekerja Pelabuhan di Torino, Itali. Beliau meninggalkan Pelabuhan untuk memulakan usaha perniagaannya sendiri apabila melihat peluang yang besar dalam Projek Iskandar Malaysia.

Kerjasama dengan Fakulti Bio-Sains dan Kejuruteraan Perubatan, UTM memberikan beliau peluang untuk mengejar PhD. Disebabkan jadual yang padat dan masanya, beliau terpaksa menghentikan program itu selepas 7 tahun penyelidikan dan pengajian dalam Manuskrip Lama Melayu.

4.2 Latarbelakang Ajaran Sesat Si Hulk

Pengasas Suhaini Muhammad telah memperkenalkan ajaran baru iaitu ajaran Si Hulk namun ajaran ini telah difatwakan sesat oleh Jawatankuasa Negeri Perak. Mufti Perak, Datuk Wan Zahidi Wan Teh berkata, keputusan itu dibuat menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-221 yang bersidang pada 9 hingga 11 Disember 2020. Selain daripada itu, Fatwa Negeri Johor juga menyatakan bahawa ajaran Suhaini ini sesat serta diwartakan sesat bertarikh 22 Julai 2021 kerana bertentangan dengan akidah, syariat dan akhlak Islam.

Ajaran sesat ini bermula di rumah Suhaini Muhammad di Johor, Oleh hal yang demikian, ajaran sesat ini telah memengaruhi ramai orang. Golongan yang terpengaruh dengan ajaran ini kebanyakannya dari golongan muda dan ada yang sanggup berhijrah daripada Malaysia ke Australia untuk bersama-sama dengan pengasas tersebut.

4.3 Kaedah Yang Digunakan oleh Si Hulk untuk Mengembangkan Dakwah

Kaedah yang digunakan untuk menyebarkan dakwah dan menarik minat golongan remaja termasuk menjanjikan kehidupan mewah dan peluang untuk hidup lebih lama. Salah satu daya tarikan yang digunakan oleh kumpulan ini adalah produk "Air Si Hulk," yang dikatakan mampu memanjangkan umur. Produk ini dijual melalui stokis di setiap negeri, memastikan penyebarannya meluas dan mudah didapati. Air minuman jenama Si Hulk yang didakwa boleh mengubati pelbagai jenis penyakit didapati masih dijual secara dalam talian setakat ini namun aktivitinya tidak aktif. Tinjauan Harian Metro dagang mendapati penjualan air berkenaan masih berada di dua laman e-dagang dengan seorang peniaga di setiap platform itu. Bagaimanapun, pemerhatian mendapati peniaga di sebuah platform e-dagang sudah tidak aktif sejak 13 minggu lalu dan hanya ada dua ulasan pelanggan dengan pembelian terakhirnya pada Mac tahun lalu. Berdasarkan penerangan tertera, air minuman yang dijual sekotak dengan 10 botol berharga RM80 itu menyatakan mempunyai madu yang ditapai bagi mengaktifkan bakteria baik.

4.4 Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Memutuskan Fahaman Yang Diasaskan Suhaini Muhammad atau Si Hulk Sebagai Sesat dan Menyeleweng Daripada Ajaran Islam

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak memutuskan fahaman yang diasaskan Suhaini Mohammad atau Si Hulk sebagai sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam. Mufti Perak, Datuk Wan Zahidi Wan Teh berkata, keputusan itu dibuat menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-221 yang bersidang pada 9 hingga 11 Disember 2020.

"Antara penyelewengan yang dibawakan ajaran tersebut ialah mendakwa Nabi Muhammad SAW adalah tuhan dan baginda merupakan seorang yang tidak mempunyai jantina iaitu bukan lelaki dan juga bukan perempuan.

5. Implikasi Kajian

Implikasi kajian berdasarkan kajian dan pencarian yang dilakukan terhadap ajaran sesat Si Hulk di dapati bahawa pengikut ajaran Si Hulk masih lagi terdapat di Malaysia dan kebanyakan majoriti pengikutnya berbangsa Melayu. Justeru itu, undang-undang di Malaysia perlu diperketatkan dalam mencegah ajaran sesat ini supaya tidak disebarkan secara berleluasa di Malaysia. Pencegahan perlu dilakukan kerana ajaran ini telah difatwakan sesat dan menyeleweng dari segi akidah. Pernyataan ajaran Si Hulk tentang Nabi Muhammad SAW sebagai tuhan bercanggah dengan syahadah malah mereka tidak mengakui bahawa Allah swt sebagai tuhan mereka. Di samping itu, selain mereka tidak mengakui Allah SWT sebagai tuhan, ajaran sesat Si Hulk ini juga mentafsirkan ayat al-Quran secara sembarangan dan tidak mengikut manhaj mufassirin. Antara contoh penyelewengan dalam pentafsiran al-Quran adalah surah al-Qariah ditafsirkan sebagai "alamak".

Jika kita lihat dari segi Syariah, ajaran sesat ini tiada isu dalam Syariah akan tetapi apabila mereka menyeleweng dari segi akidah, maka dari segi Syariah dan akhlak tiada gunanya kerana akidah merupakan perkara utama bagi Syariah dan akhlak. Kajian ini mencadangkan supaya pihak berautoriti dapat mencegah penyebaran ajaran ini daripada terus disebarkan. Justeru, usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak dan usaha yang terus menerus dari berbagai pihak, termasuk pemerintah, Lembaga Pendidikan, masyarakat setempat dan individu. Selain itu, institusi agama atau pihak yang memainkan peranan dalam mencegah ajaran sesat ini dengan meningkatkan

kecekapan secara berkesan dalam membanteras ajaran sesat di Malaysia. Justeru itu dalam langkah kepada membanteras ajaran sesat ini, institusi agama juga perlu memfokuskan dalam usaha memantabkan akidah masyarakat di Malaysia dengan menyampaikan ilmu yang bermanfaat di media social. Sehubungan dengan itu, institusi agama perlu mewar-warkan kepada orang ramai di media social dengan menyatakan fatwa tentang ajaran sesat tersebut agar masyarakat tidak terpengaruh dengan ajaran sesat tersebut. Sebagaimana yang kita tahu, ajaran sesat Si Hulk amat aktif dalam menyampaikan dakwahnya di media social, jadi pihak SKMM perlu memainkan peranan dalam menyekat posting atau akaun rasmi facebook agar dakwah serta ajarannya tidak tersebar dengan meluas.

6. Kesimpulan

Tuntasnya, ajaran sesat merupakan ancaman yang serius bahkan boleh merosakkan akidah individu sekaligus mengganggu keharmonian beragama dalam masyarakat. Fenomena ajaran menyeleweng ini menjejaskan keimanan pengikutnya melalui penyelewengan ajaran agama. Hal ini menyebabkan mereka terjerumus dalam krisis identiti serta kekeliruan akidah. Kerosakan akidah ini membawa kepada implikasi negatif yang serius, bukan sahaja kepada individu, tetapi juga kepada struktur keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya.

Impaknya terhadap keharmonian keluarga dapat merosakkan konflik dalaman keluarga, perpecahan dan pengasingan sosial adalah merupakan punca utama yang dihadapi oleh keluarga yang terlibat. Selain itu, sesetengah pengikut ajaran sesat mengalami tekanan psikologi dan emosi akibat manipulasi mental dan ketakutan, mengakibatkan menambah beban kepada kestabilan mental dan emosi mereka.

Seterusnya, dari segi sosial pula ajaran sesat menimbulkan ketegangan serta konflik antara penganut agama, mengganggu keharmonian beragama yang menjadi asas kestabilan masyarakat. Diskriminasi serta stigma terhadap pengikut ajaran sesat, memperburukkan lagi keadaan dan menghalang usaha pemulihan dan integrasi semula ke dalam masyarakat.

Oleh hal yang demikian, untuk menangani ancaman ini, pendekatan yang komprehensif amat diperlukan. Pendidikan agama yang berprestasi tinggi dan program kesedaran awam merupakan langkah penting dalam mencegah penyebaran ajaran sesat. Pihak berautoriti berkuasa agama dan kerajaan perlu memainkan peranan proaktif dalam menguatkuasakan undang-undang serta menyediakan sokongan kepada bekas pengikut ajaran sesat. Justeru itu, sokongan psikologi dan juga sosial dapat membantu mereka kembali kepada kehidupan yang normal bagi mengukuhkan hubungan sosial mereka.

Kesimpulannya, ancaman ajaran sesat Si Hulk kepada akidah dan keharmonian beragama memerlukan tindakan bersepadu dari semua pihak iaitu individu, keluarga, masyarakat, institusi pendidikan, dan pihak berkuasa. Usaha ini memerlukan kerjasama dan komitmen yang berterusan supaya kita dapat memelihara keimanan dan keharmonian beragama bagi kestabilan dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia kerana memberi ruang kepada penulis untuk menjalankan kajian berkaitan dengan tajuk ini. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada semua pihak yang membantu semasa menjalankan tugas sebagai Latihan Industri.

Konflik Kepentingan

Penulis tiada konflik kepentingan dalam penulisan dan penerbitan artikel ini.

Sumbangan Penulis

*Penulis ingin menyatakan sumbangan setiap penulis dalam penulisan artikel ini seperti berikut: **konsep dan gaya penulisan:** Iffa Nabilla binti Mohamad Kharithah, Nur Zainatul Nadra Zainol; **pengumpulan data:** Iffa nabilla binti Mohamad Kharithah; **analisis data dan interpretasi data:** Iffa Nabilla binti Mohamad Kharithah, Nur Zainatul Nadra Zainol; **penyediaan draf penulisan:** Iffa Nabilla binti Mohamad Kharithah, Nur Zainatul Nadra Zainol. Semua penulis telah menilai dapatan kajian dalam manuskrip akhir artikel ini.*

Rujukan

- Ahmad Sunawari Long. (2009). Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. ed. ke-5. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd. Al-Rahman. (1998). Kamus Idris alMarbawi. ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dar al Nu'man
- al-Munjid al-Wasit Fi al-Arabiah al-Muasirah. (2012). ed. ke-2. Beyrut: Dar alMashriq.

- Azliza Musa (2023, Julai 23). Fahaman Si Hulk difatwakan sesat, menyeleweng ajaran Islam. <https://www.kosmo.com.my/2023/07/23/fahaman-si-hulk-difatwakan-sesat-menseleweng-ajaran-islam/#:~:text=%E2%80%9CAjaran%20itu%20juga%20mendakwa%20Si,dan%20batin%20serta%20menghalang%20sihir>.
- Bogdan, R. C. & Biklen S. K. (2003). *Qualitative Research for Educations: An Introduction to Theories and Methods*. USA: Pearson Education Group Inc
- Buang, A. H. (2011). Fatwa ajaran sesat dari sudut undang-undang dan cabaran pembanterasannya di Malaysia. *Journal of fatwa management and research*, 2(1), 27-47.
- Diyanatul Atiqah Zakarya. (2023, Julai 15). Janji hidup mewah di New Zealand tawaran ajaran sesat Si Hulk. <https://www.kosmo.com.my/2023/07/15/janji-hidup-mewah-di-new-zealand-tawaran-ajaran-sesat-si-hulk/>
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2007). *Ajaran sesat: Mengenali jalan yang terpesong*. Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam. (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). *Fatwa-Fatwa Yang Diwartakan*. ed. ke2. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2018). *Himpunan Garis Panduan Yang Diperakui Oleh Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan*. ed. ke-2. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2018). *Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan*. ed. ke-6. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (n.d.). *Fatwa Berkenaan Ajaran Sesat di Malaysia*. Retrieved from [https://www.islam.gov.my/berita-semasa/103-fatwa/350-fatwa-berkenaan-ajaran-sesat-dimalaysia] (https://www.islam.gov.my/berita-semasa/103-fatwa/350-fatwa-berkenaan-ajaran-sesat-dimalaysia).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (n.d.). *Kedudukan Syiah di Malaysia*. Retrieved from [https://www.efatwa.gov.my/fatwa-negeri/kedudukan-syiah-di-malaysia] (https://www.e-fatwa.gov.my/fatwanegeri/kedudukan-syiah-di-malaysia)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (n.d.). *Ajaran Ahmadiyah (Qadiani)*. Retrieved from [https://www.efatwa.gov.my/fatwa-negeri/ajaran-ahmadiyah-qadiani] (https://www.e-fatwa.gov.my/fatwanegeri/ajaran-ahmadiyah-qadiani)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (n.d.). *Tarekat Naqsyabandiah Kadirun Yahya*. Retrieved from [https://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/tarekat-naqsyabandiah-kadirun-yahya] (https://www.efatwa.gov.my/fatwa-negeri/tarekat-naqsyabandiah-kadirun-yahya)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (n.d.). *Ajaran dan Pemikiran Aurad Muhammadiyah (Al-Arqam)*. Retrieved from [https://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/ajaran-dan-pemikiran-aurad-muhammadiyah-alarqam] (https://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/ajaran-dan-pemikiran-aurad-muhammadiyah-alarqam)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (n.d.). *Ajaran Bahai*. Retrieved from [https://www.e-fatwa.gov.my/fatwanegeri/ajaran-bahai] (https://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/ajaran-bahai)
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Merriam.S.B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossey-Bass
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis*. 2 Thousand Oak California: Sage Publication

- Salleh, M. K. M., Manaf, M. F. A., & Kamaruzaman, M. A. S. (2021). Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat Di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 144-157.
- Zanaton Haji Iksan. (2011). Amalan Penyoalan Lisan Guru Kimia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elektrokimia. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zurita, N. A. A. M., & Alwi, E. A. Z. E. (2022). Penyelewengan Akidah dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Satu Analisis [Perversion of Faith Heresy in Malaysia: A Review]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 197-206.